



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	9/6/2017	MUKA SURAT	:	69
JABATAN	:	UMUM			
KLASIFIKASI	:	<b>MAKLUMAN</b>			

**Petaling Jaya:** Schneider Electric, peneraju global menerusi segmen pengurusan tenaga dan automasi mengumumkan pasukan Vidor sebagai pemenang utama cabaran universiti *Go Green in the City* buat kali ketujuh, semalam.

Pasukan itu terdiri daripada dua pelajar Taylor's University, Ng Jia Sheng dan Lim Shu Wen yang membawa pulang trofi, sijil penghargaan serta wang tunai RM5,000.

Presiden Negaranya Soo Pow Leong berkata, pihaknya komited meneruskan usaha berkenaan selepas

## Vidor pemenang utama cabaran Go Green in the City

melihat pertumbuhan permintaan yang memberangsangkan di Malaysia.

"Pertandingan tahunan seumpama ini menyediakan peluang kepada peserta untuk membentangkan dan mempamerkan idea mereka berkaitan pengurusan tenaga yang lebih cekap dan mampan.

"Peningkatan jumlah penyertaan dalam pertandingan ini berjaya menunjukkan komitmen pelajar

tempatan dalam mengetengahkan penyelesaian untuk berdepan cabaran tenaga semasa.

"Malah, melalui inisiatif ini, kami berharap dapat menggalakkan inovasi dalam kalangan jurutera muda dan pemimpin perniagaan pada masa akan datang dalam menangani isu alam sekitar ke arah mencapai matlamat untuk mempunyai lebih banyak bandar hijau dan pintar,"

katanya pada majlis pengumuman pemenang di sini, semalam.

Beliau berkata, kedua-dua pemenang bakal mewakili Malaysia ke pentas akhir peringkat Asia Pasifik untuk bersaing dengan peserta dari 12 negara lain pada 11 Julai.

Pemenang rantau Asia Pasifik pula akan menentang peserta antarabangsa lain di peringkat global pada Ogos.